

KAJIAN TERHADAP KEPUTUSAN MAHASISWA DALAM PENGAMBILAN  
KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA UKUR BAHAN DI  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

FOONG KAE WEN

Laporan Projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2008

## ABSTRAK

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan tempat yang membolehkan seseorang pelajar melanjutkan pelajarannya ke tahap yang lebih tinggi dalam sesuatu bidang. Sebelum memasuki ke IPT, seseorang pelajar perlu memilih bidang kursus yang ingin diceburi. Di dalam proses pemilihan kursus, terdapat banyak faktor berlainan yang mempengaruhi para pelajar membuat keputusan untuk mengambil kursus tersebut. Persoalannya, apakah faktor yang mempengaruhi para pelajar membuat keputusan mereka untuk mengambil kursus itu. Demi persoalan ini, kajian penyelidikan ini dengan objektif untuk mengenalpastikan faktor-faktor yang mempengaruhi atau yang ditimbang oleh mahasiswa dalam pengambilan Kursus Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah dijalankan. Skop penyelidikan ini tertumpu kepada mahasiswa-mahasiswa Tahun Satu yang mengambil Kursus Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan di IPTA Malaysia pada sesi tahun 2007/2008. Sebanyak 75 borang soal selidik daripada para responden telah dikumpulkan dan dianalisis. Cara analisis data yang digunakan dalam kajian ini termasuk Analisis Statistik Frekuensi (Frequency Statistic Analysis), Analisis Skil Pemingkat Likert (Likert Scaling) yang berasaskan indeks berskala dan juga penentuan kedudukan (ranking). Hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian akademik pra-universiti para mahasiswa iaitu pencapaian dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Matrikulasi merupakan faktor pertimbangan yang paling mempengaruhi keputusan mereka dalam pengambilan Kursus Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan di IPTA. Selain itu, faktor-faktor yang juga memberi pengaruh yang tinggi kepada para mahasiswa dalam pemilihan Kursus Ukur Bahan ialah pengiktirafan Kursus Ukur Bahan daripada badan-badan profesional Ukur Bahan, pendapatan pada masa depan, prospek pekerjaan, lokasi IPTA, reputasi, minat, keperluan kemasukan dan tanggapan awal terhadap Kursus Ukur Bahan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa keadaan kewangan, keinginan ibu bapa dan pengaruh rakan atau pasangan merupakan faktor-faktor yang memberi pengaruh yang rendah kepada keputusan mereka dalam pengambilan Kursus Ukur Bahan di IPTA. Di antara faktor-faktor tersebut, faktor rakan atau pasangan merupakan faktor yang paling kurang mempengaruhi keputusan mereka dalam pengambilan Kursus Ukur Bahan.

## ABSTRACT

Higher learning institution enables student to advance his studies to a higher level in a particular field. A student has to choose a course which he desires to have before he gets into higher learning institution. In the process of choosing the course, there are many different factors which influence students in making their decisions when choosing courses. The question is, what are the factors which influence students in their decision for taking up a course. Thus, the objective of this research is to identify the factors which influence students in choosing the Quantity Surveying Course as their tertiary education in public higher learning institutions. The scope of this research focused on the First Year undergraduates who are currently undergoing the Degree in Quantity Surveying Course in public higher learning institutions for the 2007/2008 session. 75 sets of questionnaires have been collected from the respondents and analysed. The data analysis method used in this research included Frequency Statistic Analysis, Likert Scaling based on scale index and ranking method. The analysis for the collected data shows that the achievement in pre-university which include Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) and Matriculation is the most influencing factor in respondents' decision for choosing the Degree in Quantity Surveying Course in public higher learning institutions. Besides that, factors which also influenced the respondents in their decision are the course recognition by professional bodies, future income, career prospect, institution location, reputation, interest, intake requirement and pre-judgment of Quantity Surveying Course. On the other hand, financial condition, parents' wish and friends or couple are the factors which gave less influence to respondents' decision. Among these factors, friends or couple is the least influencing factor in the respondents' decision making for choosing this course.